

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS MAKAN MALAM  
PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA  
DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI RABU, 13HB. JULAL 1988  
PUKUL 8.30 MALAM

Yang Amat Berhormat

Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan

yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan untuk menyampaikan sepatah dua kata di majlis ini, selaku Penaung Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan Tetamu Kehormat.

2. Majlis Jamuan makan malam ini diadakan bagi mengutip derma untuk tabung amal Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Seperti yang telah dimaklumkan, tema majlis ini ialah "Ke Arah Profesionalisme Dalam Dunia Pekerjaan Dan Kerja-kkerja Amal Kemasyarakatan."

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Presiden dan ahli-ahli Persatuan Siswazah Wanita Malaysia di atas inisiatif mengadakan Majlis ini.

...Kita/-

Kita sedar betapa sibuk wanita-wanita profesional kita, yang telah berjaya menceburi bidang-bidang kerjaya masing-masing dan membuktikan bahawa wanita-wanita Malaysia ialah segolongan wanita yang gigih dan berdedikasi. Namun, di sebalik kesibukan mereka menjadi warga negara yang berjasa, mereka juga tidak melupakan tanggungjawab sosial mereka. Selaku Penaung Persatuan, saya telah mengikuti kegiatan-kegiatan mereka, dan ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan rasa gembira saya. Melalui perancangan yang tersusun, mereka telah berusaha memberi sumbangan yang selaras dengan minat dan kebolehan mereka. Acara yang terakhir yang saya hadiri ialah Ceramah Tahunan Datin Seri Dr. Siti Hasmah yang berlangsung tidak berapa lama dahulu.

**...Melalui/-**

Melalui acara-acara sedemikian siswazah-siswazah wanita kita cuba memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman yang ada pada mereka, untuk kebaikan bersama.

4. Negara kita memang tidak sunyi dengan kegiatan-kegiatan pertubuhan sukarela wanita. Dalam hal ini saya perhatikan bahawa wanita-wanita lulusan institusi pengajian tinggi kita di antara yang aktif, yang menyertai kegiatan-kegiatan ini dan kadang-kadang memegang teraju pucuk pimpinan. Agak sesuai juga jika saya mengambil sempena majlis ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih wanita Malaysia kepada mereka.

5. Tema majlis jamuan malam ini amat menarik, iaitu ke arah profesionalisme dalam

...dunia/-

dunia pekerjaan dan kerja-kerja amal. Saya gembira sekali melihat aspek profesionalisme, terutama tentang aspek peningkatannya, mendapat perhatian kaum wanita kita. Hakikat bahawa wanita telah memasuki bidang-bidang profesion sudah amat nyata. Kejayaan di setengah-setengah bidang juga telah terbukti. Namun demikian, dalam dunia yang amat pesat kemajuannya, keadaan sentiasa berubah, dan kita mesti bersedia menghadapinya. Yang paling utama ialah sikap yang positif.

6. Bagi saya tema yang menekankan konsep peningkatan dalam dunia pekerjaan menggambarkan sikap yang amat positif. Saya menyokong penuh segala usaha yang bertujuan untuk sentiasa mengekalkan dan meningkatkan taraf profesionalisme, di negara kita bukan

...sahaja/-

sahaja di kalangan kaum wanita, bahkan di kalangan seluruh rakyat. Pembangunan negara memerlukan taraf kemajuan yang stabil, mantap dan sentiasa berkembang.

7. Berhubung dengan soal profesionalisme di kalangan pekerja-pekerja wanita, izinkanlah saya menimbulkan beberapa aspek. Pertama, aspek peningkatannya. Dalam negara membangun, soal peningkatan mutu sentiasa mendapat perhatian. Ini adalah kerana hanya dengan berasaskan matlamat untuk sentiasa memperbaiki diri sahaja baru dapat kita maju ke hadapan. Masyarakat yang senang berpuas hati akan cepat mundur. Oleh itu, saya berseru supaya kita jadikan sikap untuk sentiasa meningkatkan usaha kita sebagai matlamat hidup. Saya difahamkan bahawa

**...antara/-**

antara program-program yang direncanakan oleh Persatuan Siswazah Wanita hasil daripada kutipan majlis malam ini ialah yang bersifat untuk meningkatkan mutu profesionalisme kaum wanita dalam pekerjaan pada berbagai-bagai tahap.

3. Aspek yang kedua yang ingin saya bangkitkan ialah peningkatan dari segi kepelbagaian (diversification). Adat dan tradisi telah menentukan tugas dan peranan wanita dalam masyarakat, iaitu sebagai isteri dan ibu. Ini telah dilaksanakan dengan baik oleh sebahagian besar kaum wanita kita. Namun, saya percaya masih ada ruang untuk peningkatan, yang akan menjadikan kita lebih berjaya. Ini terutamanya dalam konteks masyarakat yang sedang berubah. Sikap dan

...nilai/-

nilai turut berubah. Oleh yang demikian pendekatan kita terhadap beberapa persoalan juga perlu berubah. Kaum wanita perlu sedar akan perubahan-perubahan ini, dan mengambil langkah-langkah penyesuaian yang sewajarnya.

9. Dalam hal ini, kesedaran dan penyesuaian diharap juga berlaku di kalangan masyarakat seluruhnya, termasuk kaum laki-laki. Kejayaan sesuatu bangsa tidak bergantung kepada satu pihak sahaja, tetapi sebaliknya merupakan hasil usahasama laki-laki dan wanita. Oleh sebab itu saya gembira sekali melihat bahawa majlis pada malam ini benar-benar mendapat sokongan daripada kaum laki-laki. Syabas kepada tuan-tuan suami dan para dermawan yang telah tampil ke hadapan

**...menyambut/-**

menyambut seruan ahli-ahli Persatuan Siswazah Wanita.

10. Berbalik kepada soalan kepelbagaian, saya ingin mengingatkan Persatuan Siswazah Wanita dan pihak-pihak lain yang bercadang hendak menyusun kegiatan-kegiatan bagi peningkatan profesionalisme di kalangan pekerja-pekerja wanita supaya sentiasa meluaskan skop pandangan mereka. Jangan melihat persoalan wanita semata-mata dari perspektif tradisional, dari kaca mata zaman lampau. Keadaan negara kita telah berubah dan keadaan kaum wanita juga telah berubah. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan untuk memperbaiki kedudukan wanita meninjau ke sempadan-sempadan yang lebih luas, bahkan

**...menerokai/-**

menerokai bidang-bidang baru. Ini wajar kerana, pada pandangan saya, wanita kita mampu dan berupaya, asalkan diberi peluang dan dibimbing.

11. Saya percaya aspek-aspek ini telahpun mendapat perhatian yang sewajarnya. Tetapi saya rasa hal ini perlu ditekankan beberapa kali, bukan sahaja untuk para perancang, tetapi juga untuk kaum wanita itu sendiri, yang kadang kala perlu diingatkan dan diberi perangsang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Malam ini kita berkumpul untuk beberapa tujuan. Yang paling utama ialah untuk menunjukkan sokongan kita kepada Persatuan

**...Siswazah/-**

Siswazah Wanita Malaysia. Dan dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan di majlis ini, serta sumbangan derma melalui pembelian meja-meja, saya kira hakikat ini sudah nyata.

13. Tujuan kedua kita berkumpul ialah untuk bertemu dan beramah mesra dalam keadaan yang relax. Ramai di antara kita, oleh sebab sibuk, sudah lama tidak bertukar-tukar berita, hanya bertegur sapa dan berlambai-lambai sahaja. Maka inilah masanya kita bertukar-tukar celoteh bertanya khabar sanak saudara. Saya difahamkan bahawa rancangan hiburan yang disusun untuk kita agak istimewa, yang akan membawa kita golongan "oldies" ke alam nostalgia, iaitu tahun lima dan enam puluhan dahulu. Jadi, saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan,

**...lupakan/-**

-11-

lupakan segala masalah dunia, dan enjoy yourselves.

Sekian, terima kasih.



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA